



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN PADA TIAP² HARI RABU

TAHUN 11 BILANGAN 10 RABU 9 MACH, 1966. رابو 18 ذوالقعدة 1385 PERCHUMA

S.U.K. Menguchapkan Tahniah Kapada Perajurit² A.M.D.B. Sebagai Hulubalang Negara

BERAKAS KEM. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim menegaskan bahawa Askar ada-lah tugas yang mulia kapada negara dan perajurit² yang berkhidmat dengan Askar Melayu Diraja Brunei, sebagai Hulubalang Negara, patut-lah di-beri kehormatan terhadap perkhidmatan mereka yang chemerlang itu kapada negeri ini.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah melafadkan ucapan yang bersemangat itu sa-lepas beliau memeriksa Perbarisan Tamat Latehan 40 orang rekrut² Askar Melayu Diraja Brunei dari pengambilan yang ke-enam pada pagi hari Sabtu 5 Mach, 1966. Mereka telah tamat berlateh selama 16 minggu dalam lapangan ketenteraan.

Perbarisan tersebut telah diadakan di-Kawasan Perbarisan Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas Kem di-bawah pimpinan Lieutenant Muda Mohamed Husain bin Haji Sulaiman.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah di-sambut ketika tiba di-Berakas Kem oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Diraja Brunei, Lieutenant Colonel Dato Setia D.M. Fletcher.

Sa-lepas memereka perbarisan, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah menyampaikan Piala² Perak kapada rekrut yang terbaik dan penembak yang terbaik.

Rekrut yang terbaik ia-lah Ismail bin Kassim dan penembak yang terbaik ia-lah Abdul Manaf bin Ismail.

Turut mengambil bahagian dalam perbarisan tersebut ia-lah Pancharagam Askar Melayu Diraja Brunei, di-bawah pimpinan Pengarah Musik A.M.D.B., Kaptan R. R. Greening.

Dalam ucapan Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof yang "penoh dengan bersemangat", beliau telah memuji perkhidmatan perajurit² dari Askar Melayu Diraja Brunei kerana kebaktian mereka kapada negara ini.

Beliau juga telah menguchapkan tahniah kapada rekrut² yang telah memenangi hadiah² sebagai rekrut yang terbaik dan penembak yang terbaik.

Kapada perajurit² yang tidak memenangi hadiah² yang berharga itu, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah menasehatkan mereka supaya jangan-lah putus asa dan terus menchuba memenangi hadiah² dalam lapangan ketenteraan.

Kapada ibu bapa pula, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah menasehatkan mereka supaya membenarkan anak²

mereka berkhidmat dalam Askar Melayu Diraja Brunei.

Kapada pemuda² di-negeri ini, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah menyeru kapada mereka supaya berkechimpanlah diri mereka dalam Askar Melayu Diraja Brunei untuk faedah bangsa dan negara.

Selanjut-nya beliau berkata, Insha Allah, lebeh banyak lagi jawatan² sebagai Pegawai² dalam Askar Melayu Diraja Brunei akan di-serahkan kapada anak² negeri ini yang berke layakan kelak.

PEPEREKSaan SIJIL PERSEKOLAHAN CAMBRIDGE


BANDAR BRUNEI. — Seramai 84 orang chalon² dari enam buah Sekolah² dan Maktab² serta chalon² bersendirian di-Negeri Brunei telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge yang telah di-adakan pada penghujung tahun 1965.

Selain dari itu, 66 orang chalon² dari negeri ini telah lulus dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Awam (G.C.E.).

Menurut Sinarai Keputusan Peperiksaan² tersebut yang diterbitkan oleh Jabatan Pelajaran Brunei pada 1 Mach, 1966, seramai 165 orang chalon² dari enam buah Sekolah² dan Maktab² serta 27 orang chalon² bersendirian telah masuk Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge.

Seramai 19 orang telah mendapat Pangkat Pertama, 25 orang telah mendapat Pangkat Kedua dan 40 orang telah mendapat Pangkat Ketiga dalam Peperiksaan Sijil Persekolahan Cambridge.

Keputusan penoh peperiksaan tersebut ada-lah di-siarkan di-Muka 2.



Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim kelihatan dalam gambar ini membalas tabek di-istiadat Perbarisan Tamat Latehan rekrut² Askar Melayu Diraja Brunei di-Berakas Kem pada pagi hari Sabtu 5 Mach, 1966.

KEPUTUSAN PEPEREKSaan SIJIL PERSEKOLAHAN CAMBRIDGE DAN SIJIL PELAJARAN AWAM

BANDAR BRUNEI. — Peperiksaan2 Sijil Persekolahan Cambridge dan Sijil Pelajaran Awam (G.C.E.) telah di-adakan pada penghujung tahun 1965 dan keputusan-nya adalah seperti berikut:

Ak. Ismail b. Pg. Damit (I); Lim Pun Chin (I); Patrick A. Ross (I).

Katherine Chen (II); Norsiah bt. Hj. Daud (II); Wan Nuk Yin (II).

Ahmad b. Matnor (III); Alamin b. Hj. Hanafiah (III); Aliakbar b. Abu Bakar (III); Ali Hashim b. Hj. Daud (III); Alidin b. Othman (III).

Chong Kim Yuke (III); Dk. Mariam bt. Pg. Hj. Metussin (III); Ho Guan Hwa (III); Mohammed Kashim b. Johan (III); Nellie bt. Sunny (III).

Norah bt. Mohd. Abas (III); Ramlee b. Hitam (III); Robert Lee (III); Salleh b. Omar (III); Taib b. Adis (III).

Tan Boon Kwang (III); Tan Mai Lin (III); Wong May Sim (III); Yaakub b. Sunny (III); Yong Siew Chun (III); Zainal Abidin b. Ibrahim (III).

Abu Bakar b. Hj. Apong (GCE); Afsah bt. Mohd. Yusof (GCE); Ak. Abdul Rahman Pg. Hj. Metussin (GCE); Ak. Ibrahim b. Pg. Mohd Salleh

(GCE); Awang Ahmad b. Awang Ghafar (GCE).

Bini b. Pudim (GCE); Chin Nyuk Ching (GCE); Haji Awang Besar b. Hj. Metussin (GCE); Karam Jeet Kaur (GCE); Lai Bun Seng (GCE).

Lim Soh Pek (GCE); Maidin b. Ahmad (GCE); Mark Liew Voon Fah (GCE); Marzuki b. Ahmad (GCE); Mirhassan bin Hj. Abu Bakar (GCE).

Mohd. Shahri bin Hussin (GCE); Muhammad Yusof b. Ismail (GCE); Nordin b. Abdul Wahab (GCE); Ramli bin Mohammad (GCE); Safiah bt. Hj. Hassan (GCE).

Sharbini b. Sunggoh (GCE); Tang Chui Gee (GCE); Wee Liang Hoon (GCE); Abdul Kani b. Mohd. Salleh (GCE); Law Kong Chong (GCE).

SEKOLAH MISSI ST. ANDREW'S

Martin Jan Tshin Fong (I). Abu Bakar b. Hamzah (III). Vincent Chong Khim Yuk (GCE); Fung Wan Yin (GCE); Hong Phuan Tong (GCE); Lian Choon (GCE); Kok Fook Onn (GCE).

Lim Chin Hock (GCE); Ling Hook Sing (GCE); Tan Hui Siang (GCE); Wong Chung Hin (GCE); Yong King Fui (GCE).

MAKTAB ANTHONY ABELL

Chai Ah Eng (I); Khung Ching Yee (I); Matthew Michael Ng (I).

Lo Wai Lin (II); Maidin b. Tinggal (II); Mohd. Razali b. Hj. Johari (II); Tan Lai Moi (II); Wong Kim Fah (II); Yakub b. A. Bakar (II).

A. Hamid b. Maruni (III); Awang Ali b. Awang Buntar (III); Ak. Ali Hassan b. Pg. Abas (III); Ak. Omar b. Pg. Sabtu (III).

Koo Chiew Lian (III); Shah Jahan Bahar (III); Shari b. Ahmad (III); Yunus b. Md. Noh (III).

A. Hamid b. Maaruf (GCE); Ak. Julaihi b. Pg. Othman (GCE); Ibrahim b. Mumin (GCE); Khoo Chee Siong (GCE); Marsal b. Wang (GCE); Wong Sooi Yee (GCE).

SEKOLAH MISSI ST. MARGARET'S

Margaret Tan Lee Eng (I). Chong Yu Yin (II); Lee Shin Chung (II); Tang Soong Liang (II); Yong Shun Fong (II).

Cheong Fook Ngian (III); Goh Eng Chuan (III); Gregory Tan Kwong Wui (III); Ong Guan Par (III); Mary Mathews (III); Tan Soo Hui (III).

Wong Lik King (GCE);

Wong Siew Chin (GCE); Dorothy Soon Geok Neo (GCE).

SEKOLAH MISSI ST. MICHAEL'S

Cheng Huai Nan (I); Guibarra Edward (I); Hiew Martin (I); Murali N. K. (I); Song Nicholas (I); Varughese Abraham (I).

Leong Ken Voon (II); Singh Allan (II); Tshai Shiu Shin Thaddeus (II); Verdi Noel (II).

Cheong Wee Kim William (GCE); Ching Kok Ming (GCE); Chong Fah Yun (GCE); Chung Thai Chong Gabriel (GCE); Leong Chan Fui (GCE); Lim Michael (GCE); Wong David (GCE).

SEKOLAH MISSI ST. ANGELA CONVENT

Anatolia Thorie Golinsu (I); Rajamma Elizabeth John (I); Li Lai Wan Linda (I); Mary Ann Simons (I).

Helen Chee (II); Rosemary Ho Gek Noi (II); Leong Yuen Fong (II); Long Siew Ngoh (II).

Ng Wai Ho (II); Tan Guek Choo (II); Tiong Tuang Leng Susanna (II); Wee Siok Eng (II).

Mildred Kuek (III); Molly Bernadette Yapp (III).

Chan Wah Lye Rosalind (GCE); Wong Seau Han Stella (GCE).

Penuntut2 Bersendirian — Bandar Brunei

Anthony Teo Su Ngee (II). Cheng Si Onn (III); Lim Tiong Sin (III).

Dk. Fatimah bt. Pg. Salim (GCE); Fang Teck Chai (GCE); Henry Chin Kim Jun (GCE); Hong Ting Geok (GCE); Jumar bin Abas (GCE).

Md. Daud b. Ibrahim (GCE); Md. Yusof bin Hj. Ahmad (GCE); Ramlee bin Sulaiman (GCE); Richard Lai Thian Soo (GCE); Tong Bong Hock (GCE); Zainal Abidin b. Mohd. (GCE).

Penuntut2 Bersendirian — Seria

Chei Chee Phang (GCE); Lau Mei Yee/Liew Mei Yee (GCE).

Jawatan Kosong: Ahli2 Bomba Baru

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada ra'ayat atau mereka yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan sebagai Ahli Bomba Pelatih dalam Jabatan Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Kelayakan2:

- Umur — di-antara 18 hingga 28 tahun;
- Tinggi — sekurang2-nya lima kaki empat inci;
- Dada — sekurang2-nya tiga puluh empat inci bila di-kempiskan (deflated);
- Pelajaran — Sa-orang pemohon yang hendak masuk berkhidmat dalam jawatan tersebut hendaklah lulus sekurang2-nya Darjah IV Sekolah Melayu atau darjah yang serupa dalam Sekolah Inggeris atau lain2 Sekolah;
- Ujian — sa-orang pemohon akan di-kehendaki lulus dugaan2 kekuatan.

Pemohon2 yang mempunyai lesen menjalankan Kereta Kelas V dan berpengetahuan tinggi menjalankan motor sangkut dan pandai membaiki kerosakan2 kecil bagi enjin motor sangkut, selain daripada kelayakan2 yang di-kehendaki

seperti yang tersebut di-atas, akan di-beri keutamaan.

Kesihatan:

Sa-orang pemohon sepatutnya tidak memakai kacamata dan mesti-lah lulus peperiksaan doktor untuk berkhidmat dalam Perkhidmatan Bomba.

Gaji:

Mulai dari \$180/- sa-bulan dan selepas berkhidmat selama 6 bulan dengan memuassakan akan di-naikkan menjadi Ahli Bomba Peringkat Kedua (Second Class Fireman) dengan gaji \$210/- sa-bulan dalam tingkatan gaji \$210x5-245.

Pakaian seragam dan kasut (boot) perkhidmatan di-adakan. Driver2 Ahli Bomba akan di-beri Driver Allowance sebanyak \$10/- sa-bulan tiap2 sa-orang.

Tempat Kumpulan Pengambilan:

Semua pemohon2 ada-lah diminta hadir ka-tempat kumpulan pengambilan di-Ibu Pejabat Perkhidmatan Bomba, Bandar Brunei di-masa hari bekerja tiap2 hari mulai daripada tarikh 1 Mach, 1966, hingga 14 Mach, 1966, kechuali hari2 kelepasan untuk menghadapi dugaan2 kekuatan dan

pemeriksaan bagi kelayakan2 mereka.

Semua calon2 hendaklah membawa bersama mereka Sijil2 Beranak, Sijil2 Pelajaran, 2 keping gambar (passport size) semasa datang ka-tempat pengambilan tersebut.

Borang2 permohonan tidak akan di-beri kepada calon2 jika mereka tidak lulus kelayakan2 yang tersebut di-atas sechara permulaan.

Pemohon2 yang dahulu ada membuat permohonan untuk jawatan yang tersebut di-kehendaki memohonkan semula jika mereka layak mengikut syarat2 yang tersebut di-atas.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 9 Mach hingga ka-hari Selasa 15 Mach, 1966 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	9	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
	10	12-40	4-00	6-37	7-48	5-07	5-21	6-36
	11	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
	12	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
	13	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
	14	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35
	15	12-40	4-01	6-38	7-49	5-06	5-20	6-35

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

SOKAN DAN OLAH RAGA

BANDAR BRUNEI. — Sokan dan Olah-Raga, bagi Sekolah2 Melayu Rendah ia-itu darjah enam ka-bawah, pada tahun ini kumpulan perlawanan peringkat daerah kerana memilih perwakilan dari tiap2 daerah untuk memasoki ka-perlawanan peringkat negeri ada-lah berjumlah 7 kumpulan ia-itu di namakan:-

1. **Kumpulan Brunei I:** Ia-lah Sekolah2 Melayu Rendah Bahagian dalam Bandar Brunei. Sekolah2-nya berjumlah 5 buah ia-itu:-

- (1) Sekolah Melayu S.M.J.A.;
- (2) Sekolah Melayu Lela Menchanai;
- (3) Sekolah Melayu Raja Isteri Fatimah;
- (4) Sekolah Melayu Pintu Malim;
- (5) Sekolah Melayu Sungai Kebun.

2. **Kumpulan Brunei II:** Ia-lah Sekolah2 Melayu Rendah Bahagian Luar Bandar Brunei. Perhubungan Sekolah2 itu dengan menggunakan jalan raya; Sekolah2-nya berjumlah 19 buah ia-itu:-

- (1) Sekolah Melayu S.U.A.S., Muara;
- (2) Sekolah Melayu Serasa;
- (3) Sekolah Melayu Mentiri;
- (4) Sekolah Melayu Tanah Jambu.
- (5) Sekolah Melayu Sungai Hanching;
- (6) Sekolah Melayu Delima I;
- (7) Sekolah Melayu Anggerek Desa;
- (8) Sekolah Melayu Lambak.
- (9) Sekolah Melayu Amar Pahlawan Burong Pingai Berakas;
- (10) Sekolah Melayu Gadong;
- (11) Sekolah Melayu Orang Kaya Imas Subok;
- (12) Sekolah Melayu Kiulap.
- (13) Sekolah Melayu Kiarong;
- (14) Sekolah Melayu Bendahara Sakam, Bunut;
- (15) Sekolah Melayu Bungkuring;
- (16) Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas.

(17) Sekolah Melayu Sengkurong;

(18) Sekolah Melayu Jerudong;

(19) Sekolah Melayu Katimahar

3. **Kumpulan Brunei III:** Ia-lah Sekolah2 Melayu Rendah Bahagian Luar Bandar Brunei. Perhubungan Sekolah2-nya dengan menggunakan Sungai Brunei. Sekolah2-nya berjumlah 14 buah ia-itu:-

- (1) Sekolah Melayu Pengkalan Batu;
- (2) Sekolah Melayu Limau Manis;
- (3) Sekolah Melayu Masin;
- (4) Sekolah Melayu Panchor Murai.
- (5) Sekolah Melayu Lumas;
- (6) Sekolah Melayu Kasat;
- (7) Sekolah Melayu Puduk;
- (8) Sekolah Melayu Putat.
- (9) Sekolah Melayu Dato Gandhi;
- (10) Sekolah Melayu Sultan Abd. Mobin, Sungai Besar;
- (11) Sekolah Melayu Batu Marang.

oleh
*Awang Md. Hussain
Zainal*

(12) Sekolah Melayu Pulau Baru2;

(13) Sekolah Melayu Pulau Berbunut;

(14) Sekolah Melayu Menonggol.

4. **Kumpulan Temburong:** Ia-itu Sekolah Melayu Rendah Bahagian Daerah Temburong. Sekolah2-nya berjumlah 12 buah ia-itu:-

- (1) Sekolah Melayu Sultan Hasan Bangar;
- (2) Sekolah Melayu Belingos;
- (3) Sekolah Melayu Biang;
- (4) Sekolah Melayu Amo.
- (5) Sekolah Melayu Puni;
- (6) Sekolah Melayu Belais;
- (7) Sekolah Melayu Bokok;
- (8) Sekolah Melayu Kinua.
- (9) Sekolah Melayu Sultan Hashim, Batu Apoi;
- (10) Sekolah Melayu Labu Estate;
- (11) Sekolah Melayu Senukoh;
- (12) Sekolah Melayu Piasau2.

5. **Kumpulan Tutong I:** Ia-itu Sekolah2 Melayu Rendah Bahagian Daerah Tutong; Perhubungan Sekolah2-nya dengan menggunakan jalan raya. Sekolah2-nya berjumlah 12 buah ia-itu:-

- (1) Sekolah Melayu Muda Hashim;
- (2) Sekolah Melayu Penanjong;
- (3) Sekolah Melayu Keriam;
- (4) Sekolah Melayu Bukit Panggal.
- (5) Sekolah Melayu Sinaut;
- (6) Sekolah Melayu O.K.A. W.S.D., Kupang;
- (7) Sekolah Melayu Birau;
- (8) Sekolah Melayu Bakiau.
- (9) Sekolah Melayu Kiu-dang;
- (10) Sekolah Melayu Lamunin;
- (11) Sekolah Melayu Kampong Menengah;

(12) Sekolah Melayu Batang Mitus.

6. **Kumpulan Tutong II:** Ia-itu Sekolah2 Melayu Rendah Bahagian Daerah Tutong; Perhubungan Sekolah2-nya dengan menggunakan Sungai Tutong. Sekolah2-nya berjumlah 11 buah ia-itu:-

- (1) Sekolah Melayu Pengiran Muda Mahkota;
- (2) Sekolah Melayu Bukit Udai;
- (3) Sekolah Melayu Abd. Rashid Tanjong Maya;
- (4) Sekolah Melayu Layong.
- (5) Sekolah Melayu Panchong;
- (6) Sekolah Melayu Ukong;
- (7) Sekolah Melayu Rambai;
- (8) Sekolah Melayu Kampong Bukit.
- (9) Sekolah Melayu Banutan;
- (10) Sekolah Melayu Supon;
- (11) Sekolah Melayu Belabau.

7. **Kumpulan Belait:** Ia-itu Sekolah2 Melayu Rendah Bahagian Daerah Belait; Sekolah2-nya berjumlah 13 buah ia-itu:-

- (1) Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin;
- (2) Sekolah Melayu Muhammad 'Alam;
- (3) Sekolah Melayu Labi;
- (4) Sekolah Melayu Kuala Balai.
- (5) Sekolah Melayu Ram-payoh;
- (6) Sekolah Melayu Bukit Sawat;
- (7) Sekolah Melayu Sukang;
- (8) Sekolah Melayu Melilas.
- (9) Sekolah Melayu Sungai Liang;
- (10) Sekolah Melayu Tumpuan Telisai;
- (11) Sekolah Melayu Danau;
- (12) Sekolah Melayu Lumut;
- (13) Sekolah Melayu P. K. Negara.

Dalam tiap2 perlawanan peringkat negeri akan di-hadiri oleh 7 buah perwakilan yang terdiri dari kumpulan2 yang di-sebutkan tadi.

Jawatan2 Kosong Di-Pejabat Sekolah Gambar

PERMOHONAN2 ada-lah dipelawa dari mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y. M.M. Sultan untuk memenohi dua jawatan kosong sebagai Atendan di-Pejabat Sekolah Gambar, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun serta tahu menulis dan membaca.

Keutaman akan di-beri kapla chalon2 yang berpengalaman bekerja sebagai atendan.

Gaji: Dalam sukatan gaji F. 1-2-3 = \$160x5-220.

Pemohonan2 yang mesti dipenohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 21 Mach, 1966.

PERADUAN PENULISAN DRAPEN

BANDAR BRUNEI. — Ada-lah di-maaklumkan kapada seluruh pelajar Tanah Ayer bahawa Seksi Bahasa Dan Kesusasteraan, Badan Bahasa Dan Kesusasteraan Melayu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin telah menganjorkan satu peraduan yang berupa Peraduan Penulisan Drapen (Drama Pendek).

Peraduan ini terbuka kapada seluruh pelajar Tanah Ayer, dan barang siapa yang ingin menyertainya hendak-lah patoh kapada sha-

rat2 saperti berikut:-

- 1) Peraduan ini berupa drama yang sa-babak saja.
- 2) Di-tulis atau di-taip di-sabelah kertas saja.
- 3) Hendak-lah mengisikan borang yang di-sediakan oleh B.B.D.K.M.

Borang tersebut boleh di-dapati dari Majallah "BAHTERA" bilangan yang Pertama bagi tahun 1966 ini atau pun terus saja berhubung

Mashuarat Agong "Patuh"

KAMPONG PENGIRAN SIRAJA MUDA. — Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) telah mengadakan Mashuarat Agong Tahun-nya, bertempat di-rumah sementara-nya, ia-itu di-rumah Yang Mulia Awang Abdul Wahab bin Kumpul, pada 25 Februari, 1966.

Tujuan besar di-adakan mashuarat tersebut ia-lah untuk membubarkan Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir bagi tahun 1965, dan melantik Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir yang baru untuk melaksanakan perjalanan Persatuan Angkatan Tunas Harapan (PATUH) bagi tahun 1966.

Ahli2 Jawatan Kuasa Tadbir PATUH yang baru, ada-lah saperti berikut:

Penaong — Y. M. Pengiran Haji Ismail b. P. H. Mohamed (Di-lantek sa-mula); penasehat — Y. M. Pengiran Omar Ali b. Pengiran Momin (Di-lantek sa-mula).

Pengerusi Tetap — Che'gu Sulaiman bin Abd. Wahab; Yang Di-Pertua — Pg. Tuah bin Pg. Md. Daud; Timbalan Yang Di-Pertua — Che'gu Ak. Chuchu bin Pg. Ahmad.

Setia Usaha Agong — Che'gu Abdulrahman bin Wahab; Setia Usaha I — Che'gu Md. Salleh bin Abd. Hamid; Setia Usaha II — Ak. Zainal bin Pg. Bustamam; Bendahari Kehormat — Awang Tahir bin Abdul Wahab; Pemeriksa Kira-Kira — Pg. Sulaiman bin Pg. Buntar.

Setia Usaha Sokan — Che'gu Abdul Hamid bin Nudin; S/U Kesenian/Kebudayaan Dan Persuratan — Ak. Othman bin Pg. Ismail; Setia Usaha Kebajikan — Ustaz Ak. Sabudin bin Pg. Sapiuddin; Setia Usaha Penerangan — Ak. Apeng bin Pg. Hj. Muhammad; Setia Usaha Rumah Persatuan — Pg. Abd. Rahman bin Pg. Ahmad; Setia Usaha Peranchang — Che'gu Ak. Metassim bin P. Md. Yassin.

Ahli2 Jawatan Kuasa Pembantu — Ak. Bakar bin P. Muhammad, Che'gu Ak. Metusin bin Pg. Ismail, Che'gu Ak. Ali bin P. Hidup, Che'gu Ak. Duraman bin Pg. Baha, Che'gu Normah bte. Hashim, Dk. Mariam bte. P. Hj. Muhammad.

Dalam bidang perkembangan PATUH telah menjumpukan dengan sa-penoh-nya bagi membina RU-MAH PERSATUAN bagi pusat persatuan ini yang akan di-bangunkan tiada berapa lama lagi bertempat di-tengah2 Kampong Pengiran Siraja Muda yang kelak menjadi tumpuan dan kebanggaan penduduk kampong2 ini.

Hasil memperolehi bagi bangunan ini ia-lah bantuan dari Kerajaan di-bawah anjoran Jabatan Kebajikan Masharakat Negara, Brunei, dan di-pelopori oleh Jabatan Perpindahan Orang2 Kampong Ayer.

kapada Pengarang Majallah Bahtera.

Peraduan ini di-buka hingga 31 Mei, 1966, dan tema-nya ada-lah bebas. Hadiah2 juga akan di-berikan kapada pengarang2 yang ter-baik.

Hantar-lah drama2 itu kapada: Ketua Pengarang Majallah Bahtera, Badan Bahasa Dan Kesusasteraan Melayu, Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei, Brunei.



ISTIADAT M GELARAN

DULI YANG MAHA MULIA Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin, yang pada masa ini bersemayam di-luar negeri, telah berchemar Duli ka-satu Istiadat Mengurniakan Gelaran di-London,

England, dalam bulan Februari, 1966.

Istiadat tersebut telah di-adakan untuk mengurniakan gelaran Yang Di-Muliakan Pehin Orang Kaya Indera Lela kepada Yang Mulia Mudim Haji Ismail bin Serudin.





URNIAKAN LONDON



Istiadat itu telah di-langsungkan di-sa-buah bangunan di-London pada 16 Feb.

Semenjak sa'at di-sempurnakan istiadat tersebut, Yang Mulia Mudim Haji Ismail di-gelarkan sebagai Yang Di-Muliakan Pehin

Orang Kaya Indera Lela Haji Ismail.

Gambar2 yang di-siarkan dalam akhbar "PELITA BRUNEI" pada keluaran ini, ialah di-antara gambar2 yang di-ambil di-istiadat tersebut.



JAWATAN JAWATAN KOSONG

Imam dan Pengawas Masjid

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Al-Sultan atau mereka yang berhak bagi di-daftarkan sedemikian untuk memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Askar Melayu Di-Raja, Brunei:-

(1) **IMAM:** (1 jawatan)

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah berumur di-antara 30 tahun dan 40 tahun, tahu menulis dan membaca dan mengetahui tugas2 berkaitan dengan jawatan yang di-min-ta.

Pepereksaan bertulis akan di-adakan dalam perkara2 yang berikut:-

Ibadat, Munakahat, Jinayat dan Tauhid.

Satu temu-duga dalam perkara2 yang berikut akan juga di-adakan:-

Bachaa Al-Quraan, Bachaa dalam sembahyang dan Khutbah.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$240x10-340. \$350x10-400. \$410x10-480.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

(2) **PENGAWAS MASJID:**

(1 jawatan)

Kelayakan2:

Berumur di-antara 20 tahun dan 40 tahun, tahu menulis dan membaca dalam bahasa Melayu dan mengetahui serba sedikit pengetahuan Agama.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$290x20-350. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohi di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Pegawai Pemerintah, Askar Melayu Di-Raja, Brunei, tidak lewat dari 11 Mach, 1966.

Permohonan2 ada-lah di-pelawa dari orang2 Melayu yang menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan sedemikian bagi memenohi jawatan2 kosong yang berikut di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

1. **PEMBANTU PERKAMUSAN** (satu jawatan).

(a) Lulus sekurang2-nya Tingkatan V Persekolahan Menengah Kerajaan, atau kelayakan yang sebanding dengan-nya;

(b) Mahir di-dalam kedua2 bahasa Melayu dan Inggeris, ada mempunyai bakat dan kechenderongan dalam hal ehwal perkamusan.

Gaji — Dalam sukatan gaji D.1 - 2 - 3 EB 4 \$270x15 - 360x20 - 620.

2. **PEMBANTU PERKEMBANGAN BAHASA** (satu jawatan).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Lulus sekurang2-nya Tingkatan V Persekolahan Menengah Kerajaan, atau kelayakan yang sebanding dengan-nya;

(b) Mempunyai pengetahuan bahasa Melayu yang baik dan ada kechenderongan dalam hal ehwal pekerjaan perkembangan bahasa Melayu.

Gaji — Dalam sukatan gaji D.1 - 2 - 3 EB 4 \$270x15 - 270x15 - 360x20 - 620.

3. **PENYELENGGARA SETOR**

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari Juru Jentera (Mechanic) Tingkat 1 yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dan berjawatan tetap untuk memenohi jawatan Juru Jentera Tingkat Khas di-Pejabat Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Bekas 'fitter' B.S.P. yang telah berkhidmat dalam Tingkatan 9 sama ada dalam bahagian 'Automotive' atau 'Mechanical Equipment' dengan mempunyai pengalaman sebagai 'fitter' selama sekurang2-nya 10 tahun.

(b) Telah berkhidmat dengan Kerajaan sebagai 'Mechanic/Fitter' selama sekurang2-nya 4 tahun.

TINGKAT III (satu jawatan).

(a) Lulus darjah VIII Sekolah Melayu atau kelayakan yang sebanding dengan-nya;

(b) Berpengalaman dalam kerja setor selama sekurang2-nya satu tahun.

Mereka yang tidak mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-atas tetapi mempunyai kebolehan yang sebanding dengan-nya akan juga di-pertimbangkan.

Gaji — Dalam sukatan gaji E.1 - 2 - 3 \$200x10 - 300.

4. **PEMANDU** (satu jawatan).

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) Umor di-antara 20 tahun dan 45 tahun.

(b) Mempunyai lesen memandu yang sah dan keutamaan akan di-beri kepada pemohon yang tahu membaca dan menulis dan memperbaiki kerosakan2 kereta.

(c) Sanggup bekerja di-luar masa pekerjaan biasa.

Gaji — Dalam sukatan gaji F.3 \$200x5 - 220.

Permohonon2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei tidak lewat daripada 1 April, 1966.

Keutamaan akan di-beri kepada chalon2 yang mempunyai pengetahuan tentang kerja2 dan pembaikan Perkakas2 Pemadam Api dan Pam.

Gaji: Dalam sukatan \$380x20-480 sa-bulan (sukatan D. 3).

Permohonan2 hendak-lah dihantar melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-isi dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 24 Mach, 1966.

PENGELOLA PERKEMBANGAN BAHASA

PERMOHONAN ada-lah di-jemput bagi memenohi jawatan kosong sebagai Pengelola Perkembangan Bahasa di-Pejabat Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

(a) (i) Mempunyai kelulusan Sekolah Menengah Tinggi dan termasuk bahasa Melayu atau kelulusan yang sebanding dengan-nya; dan

(ii) Mempunyai Diploma yang di-akui oleh Kerajaan dalam sesuatu perkara yang mengenai bahasa; atau

(iii) Mempunyai pengetahuan bahasa yang sebanding dengan-nya; atau

(b) (i) Mempunyai pengalaman dalam hal perkembangan bahasa sekurang2-nya selama lima tahun; dan

(ii) Mempunyai sesuatu Diploma yang di-akui oleh Kerajaan yang berkaitan dengan perkembangan bahasa.

Bagi orang yang tidak mempunyai kelayakan yang disebutkan di-atas akan di-pertimbangkan juga, jika di-dapati persesuaian kelayakan-nya itu dengan pekerjaan yang hendak di-jalankan.

Gaji:

Dalam tangga gaji C. 3-4 \$930x30-1200 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalon yang berjaya yang bukan ra'ayat Sultan akan di-beri kontrak selama 3 tahun termasuk-lah 6 bulan masa perchubaaan. Chalon yang terdiri dari ra'ayat Sultan atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat Sultan akan di-beri jawatan tetap selepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Chalon yang di-lantek se-chara berkontrak akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mach, 1966.

Guru Ugama di-Jabatan Askar Melayu Di-Raja Brunei

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput untuk memenohi jawatan2 kosong sebagai Guru Ugama Terlatih di-Jabatan Askar Melayu Di-Raja, Brunei.

(i) Umor di-antara 18 hingga 45 tahun.

(ii) Lulus Darjah Khas Ugama Johor atau pun sebanding dengan-nya.

(iii) Lulus Darjah V Sekolah Melayu atau sebanding dengan-nya.

Gaji:

Dalam tingkatan gaji \$350-

370-380x20-560 sa-bulan.

Sharat2 Lantekan:

Kontrak selama 3 tahun termasuk masa perchubaaan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrak ia-lah dengan persetujuan bersama.

Baksis sebanyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar jika berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai tambang,

chuti dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Pegawai Pemerintah, Askar Melayu Di-Raja, Brunei, tidak lewat dari 24 Mach, 1966.

JAWATAN JAWATAN KOSONG DAN TAWARAN

Pendaftaran Menunaikan Fardzu Haji Tahun 1967

BANDAR BRUNEI. — Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei mema'lonkan kapada umat Islam di-seluruh Negeri Brunei bahawa pendaftaran bagi menunaikan Fardzu Haji bagi tahun 1967 di-mulakan dari sekarang dan akan di-tutup pada 31 Ogos, 1966.

Borang2 permohonan boleh di-dapati pada masa pejabat2 di-buka dari: —

- (i) Bahagian Urusan Haji, Tingkat 2 Bilek No. 212, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei.
- (ii) Pejabat Kadzi Daerah Belait.
- (iii) Pejabat Kadzi Daerah Tutong.
- (iv) Pejabat Pegawai Daerah, Temburong.

Segala permohonan mesti-lah dengan lengkap dan sempurna mengikut peratoran2 di-bawah ini: —

- (i) Tiap2 borang permohonan hendak-lah di-tanda tangani ataupun di-chap dengan ibu jari kanan pe-

mohonan.

- (ii) Dua keping gambar berukuran gambar paspot hendak-lah di-hantar bersama2 dengan borang permohonan.
- (iii) Borang permohonan yang sempurna di-isikan hendak-lah di-hantar ka-Bahagian Urusan Haji, Pejabat Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei.
- (iv) Surat akuan sehat daripada doktor Kerajaan yang membolehkan mereka menunaikan Fardzu Haji hendak-lah di-perolehi. Borang2 untuk pemeriksaan kasehatan boleh-lah di-dapati dari pada Bahagian Urusan Haji, Pejabat Hal-Ehwal Ugama Bandar Brunei dan Pejabat Kadzi Daerah Belait.

TAWARAN2 akan di-terima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran di-Jabatan Pegawai Kewangan Negara, di-bawah Jabatan Kerajaan, Brunei, sehingga jam 4.00 petang pada hari Ithnin 14 Mach, 1966, untok:-

Mengadakan 30 Rik (Bicycle Racks) Tempat Menyimpan Basikal yang diperbuat daripada besi sesuai menempatkan 12 buah basikal dengan perlengkapan tiang2 dan atap zinc. Jarak di-antara tempat2 Rik yang di-letak-kan tiap2 sa-buah basikal itu ia-lah 12 inchi dan sukatan2-nya ada-lah berikut:
Sukatan Tinggi di-bahagian depan — 64".
Sukatan Tinggi di-bahagian belakang — 57".
Buka-nya — 68".
Buka atap dari hujung kahujung atap — 72".
Hendak-lah di-sebutkan be-

rapa lama Tempat Menyimpan Basikal itu boleh di-adakan.

Tawaran2 yang di-terima sesudah waktu ini akan di-tolak.

Butir2 kenyataan boleh dilihat di-Pejabat Lembaga Bandar, Kuala Belait pada bila2 masa waktu bekerja.

Tawaran2 mesti-lah di-masukkan ka-dalam sampol2 surat biasa yang bertutup. Maka di-muka sampol surat itu tidak-lah boleh di-buat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama penawar.

Kerja yang di-tawarkan mesti-lah di-sebutkan dengan terang di-atas sampol surat dan perkataan-nya "MENGADAKAN 30 BUAH RIK (RACKS) TEMPAT MENYIMPAN BASIKAL UNTUK LEMBAGA BANDARAN, KUALA BELAIT" di-tulis.

Kerajaan tidak terikat untok menerima tawaran yang sehabis rendah sekali atau sebarang tawaran.

KETUA PERPUSTAKAAN

Permohonan2 ada-lah di-pelawa untok memenohi jawatan sebagai Ketua Perpustakaan di-Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (a) Mempunyai ijazah "master" tahun kelima di-dalam sains perpustakaan termasuk sa-kurang2-nya tiga

tahun pengalaman di-dalam perpustakaan; atau

- (b) Mempunyai "Fellowship of the Library Association London"; atau
- (c) Mempunyai kelulusan2 dan pengalaman2 yang sebanding dengan (b).

Gaji—Dalam sukatan \$1020x40-1620x50-1720, atau

Penyiasat Hal Ehwal Ugama

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari calon2 yang menjadi ra'ayat atau yang berhak untok di-daftarkan menjadi ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi jawatan kosong sebagai Penyiasat Hal Ehwal Ugama di-Pejabat Hal Ehwal Ugama, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

- (i) Umor di-antara 18 tahun hingga 35 tahun.
- (ii) Mesti-lah lulus sekurang2-nya darjah V Sekolah Melayu.
- (iii) Hendak-lah mengetahui ilmu dan rukun2 hal ehwal Ugama Islam.
- (iv) Satu peperiksaan me-

ngenai pengetahuan hal ehwal ugama Islam akan di-adakan.

- (v) Pegawai2 yang berpengalaman dalam bidang ini ada-lah di-utamakan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji \$280x10-330.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan di-kembalikan kepada Pengerusi Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, tidak lewat daripada 10 Mach, 1966.

\$1100x40-1620x50-1820.

Gaji permulaan bergantung pada kelayakan2 dan pengalaman.

Tempoh Perkhidmatan — Sechara berkontrek selama tiga tahun dan boleh di-baharui sekiranya kedua2 pihak bersetuju.

Baksis — Baksis sebanyak 12½% dari gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap perkhidmatan tempatan. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Chukai Pendapatan — Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dll., boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonon2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, tidak lewat daripada 1 April, 1966.

PEMBACHA RANG

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari ra'ayat D.Y.M.M. Sultan atau mereka yang berhak di-daftarkan untok memenohi jawatan kosong sebagai Pembacha Rang ("Proof Reader") di-Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei.

Kelayakan2:
Lulus darjah V Melayu dan Form III Inggeris.

Gaji:
Dalam sukatan gaji \$380x20-480/EB/500x20-620. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

Permohonan2 mesti-lah di-penohi di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, dan di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 12 Mach, 1966.

TUKANG MASAK

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada mereka yang menjadi ra'ayat atau berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan bagi memenohi dua jawatan kosong sebagai Tukang Masak di-Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:
Pemohon2 mestilah bangsa Melayu, berumur di-antara 30 hingga 45 tahun dan berpengalaman memasak di-Mess/Kantin atau di-ke dai makan.

Gaji: Dalam sukatan gaji \$200x5-220 sa-bulan.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 Mach, 1966.

Jawatan2 Kosong Dalam Jabatan Siaran Radio Dan Penerangan

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa untok memenohi jawatan2 kosong yang berikut dalam Jabatan Siaran Radio dan Penerangan, Brunei:-

(a) PEMBANTU TEKNIK TINGKAT II (5 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:
Mempunyai Sijil Persekolahan Seberang Laut atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dan City and Guilds of London Institute's Intermediate Telecommunications Technician Certificate atau kelayakan yang sebanding dengan-nya.

Mempunyai pengalaman dalam bidang penyiaran selama sekurang2-nya tiga tahun.

Gaji:

Dalam sukatan \$660x30-900 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung pada kelayakan dan pengalaman.

(b) PEMBANTU TEKNIK TINGKAT III (7 jawatan kosong)

Kelayakan2 dan Pengalaman:
Lulus Form III atau Brunei Junior atau kelayakan yang sebanding dengan-nya dengan mendapat kepujian (credit) dalam Ilmu Sains dan Ilmu Hisab. Mereka yang mempunyai Sijil City and Guilds dalam perkara2 berkaitan dengan Radio akan mendapat kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan \$210x10-260/270 x15-360/380 x 20-480/EB/500 x 20-620.

Sharat2 Lantikan:

Chalon2 yang berjaya yang bukan ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantik sechara berkontrek selama 3 tahun termasuk masa perchubuan selama 6 bulan yang pertama. Pemohon yang terdiri dari ra'ayat D.Y.

M.M. Sultan atau yang berhak di-daftarkan sebagai ra'ayat D.Y.M.M. Sultan akan di-beri jawatan tetap selepas satu tempoh perchubuan.

Baksis:

Chalon yang di-lantik sechara berkontrek akan di-bayar baksis sebanyak 12½% dari gaji bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 lanjut mengenai chuti, tambang, dan lain2 boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei. Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei mesti-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Mach, 1966.

Dato Pengetua Ugama Melawat Benaan Masjid Temburong

BANDAR BRUNEI.—Yang Amat Mulia, Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Brunei baru2 ini telah melawat ka-Daerah Temburong kerana melihat binaan Masjid Utama Mohammad Salleh yang sedang dalam pembinaan.

Yang Amat Mulia mengharapkan Masjid tersebut akan dapat disiapkan dalam masa lima bulan lagi. Bila siap kelak Masjid tersebut bukan sahaja menjadi satu pemandangan yang indah di-daerah Temburong, tetapi juga akan menjadi tempat tumpuan orang2 Islam di daerah itu; beramal ibadat dan menjadi lambang kemegahan Ugama Islam di-daerah itu.

Ini ada-lah sebagai satu permulaan pembangunan di-daerah tersebut, ia-itu di-mulakan dengan pembangunan Masjid Utama Mohammad Salleh, dan selanjutnya rayat akan dapat menikmati perkembangan2 lain-nya dari perkembangan Ugama di-masa2 yang akan datang.


Barang di-ingat bahawa Masjid Utama Mohammad Salleh di-bina untuk menggantikan Masjid lama Pekan Bangar Temburong, dengan mengambil sempena nama Yang Amat Mulia Pengiran Shahbandar Sahibol Bandar Dato Seri Paduka Haji Mohammad Salleh, Kadhi Besar Kerajaan Brunei.

Masjid tersebut telah di-letakkan Batu Asas-nya oleh Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Bendahara Muda Haji Hashim pada hari Sabtu 15 Zul-Hijjah, 1384, bersamaan 17 April, 1965.

Kelas Persediaan Sekolah Menengah Hassanal Bolkiah

BANDAR BRUNEI. — Kelas persediaan untuk Sekolah Menengah Arab Hassanal Bolkiah telah dibuka pada pagi hari Rabu 10 Zul-Kaidah, 1385, bersamaan 2 Mach, 1966, bertempat di-Bangunan Baru Madrasah (berhampiran dengan Bangunan Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei).

Sementara itu Kelas tersebut dipenohi oleh 46 orang murid2 lepasan Sekolah2 Ugama dari seluruh Daerah Brunei, di-jadikan dua Kelas persediaan yang di-ke-lola-kan oleh dua orang guru ia-itu Ustaz Hassan bin Che' Mat dan Ustaz Salleh bin Ngeh.



Guru2 Ugama Dari Daerah Belait Melawat Pejabat Ugama Brunei

Seramai 25 orang Guru2 Ugama dari Daerah Belait, ia-itu mengandungi 11 orang guru2 lelaki dan 14 orang guru2 perempuan telah melawat bangunan baru Jabatan Hal Ehwal Ugama di-Bandar Brunei pada hari Sabtu 5 Mach, 1966. Rombongan itu di-ketuai oleh Pemereksa Sekolah2 Ugama Daerah Belait, Awang Mahalee bin Haji Abdullah.

Semasa lawatan tersebut, guru2 itu telah mengadakan pertemuan dengan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin. Dalam gambar di-selabel kiri kelihatan Yang Amat Mulia Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin semasa memberi ucapan kepada rombongan tersebut mengenai chara2 pertadbiran Pejabat Hal Ehwal Ugama Brunei dan lain2 perkara yang bersangkutan paut dengan pejabat itu.

Kemudian beberapa orang Guru2 Ugama telah mengemukakan so'alan2 ka pada Y. A. M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin dan beliau telah menjawab so'alan2 itu. Selain dari lawatan ka-bangunan baru Jabatan Hal Ehwal Ugama, rombongan tersebut telah juga melawat ka-Makam Diraja dan ka-lain2 tempat di-Bandar Brunei. Dalam gambar yang besar kelihatan semasa rombongan tersebut mendengar ucapan oleh Y. A. M. Pengiran Muda Dato Paduka Kemaluddin.

Jawatan Kosong Dalam Jabatan Bomba

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari Penyelenggara2 Setor Tingkat II yang berkhidmat dengan Kerajaan dan berjawatan tetap bagi memenohi jawatan kosong sebagai Penyelenggara Setor Tingkat I di-Pejabat Perkhidmatan Bomba, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman: Pemohon2 mesti-lah lulus Darjah V Melayu dan Form II Inggeris atau mempunyai pengalaman dalam kerja setor selama sekurang2-nya 8 tahun. Keutamaan akan di-beri ka-

pada pemohon2 yang mempunyai pengetahuan tentang perkakas pemadam api, perkakas2 motor dan pen-tadbiran setor.

Gaji: Dalam sukatan \$500x 20-620 sa-bulan (sukatan D. 4).

Permohonan2 hendak-lah dihantar melalui Ketua Pejabat masing2 yang di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2, bersama2 dengan satu salinan Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-sis dalam borang2 yang boleh

di-dapati dari Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-hantar kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 21 Mach, 1966.

Majlis Perbincangan Badan Perkembangan Bahasa Dan Budaya

BANDAR BRUNEI. — Satu perbincangan akan di-adakan oleh Badan Perkembangan Bahasa dan Budaya, Brunei di-Dewan Kemasharakatan, Bandar Brunei, pada jam 8.30 pagi hari Jumaat 11 Mach, 1966.

Tajuk perbincangan ia-lah "Masa'alah Bahasa Rasmi dalam sa-sa-buah negara yang mempunyai rayat yang berbilang kaum". Pembicara-nya ia-lah Awang Badaruddin bin Haji Othman.

Ahli2 Badan tersebut dan peminat2 bahasa ada-lah di-persilakan ka-majlis tersebut.

Bakal Haji Meninggal Di-Madinah

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang bakal Haji Brunei Awang Mawang bin Haji Panggis telah meninggal dunia di-Madinah baru2 ini.

Beliau berumur 62 tahun dan tinggal di-Kampung Delima Satu Berakas, Brunei.

Jawatan2 Kosong Di-Istana Edinburgh

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput dari rayat2 D.Y.M.M. Sultan atau dari mereka yang berhak di-daftaran sedemikian untuk jawatan2 berikut di-Istana Edinburgh:—

(1) TUKANG MASAK:

(1 jawatan)

Kelayakan2: Berumur di-antara 25 dan 45 tahun dengan mempunyai pengalaman yang lama sebagai tukang masak dalam sebarang pusat memasak.

Gaji: Dalam sukatan F. 1-2-3-4 = \$160x5-235. E. 1-2-3-4 = \$200x10-330.

(2) PEKERJA2 DALAM ISTANA:

(5 jawatan, 1 amah, 4 pelayan)

Kelayakan2: Berumur di-an-

tara 20 dan 35 tahun, dan mesti-lah boleh bertutor dan memahami bahasa Inggeris dan Melayu.

Gaji: Dalam sukatan F. 1-2-3-4 = \$160x5-235.

(3) PEMBERSEH:

(2 jawatan)

Kelayakan2: Berumur di-antara 20 dan 45 tahun.

Gaji: Dalam sukatan F. 1-2 = \$160x5-195.

(4) PEMANDU:

(1 jawatan)

Kelayakan2: Umur di-antara 20 dan 40 tahun. Mesti-lah mempunyai lesen2 memandu yang sah dengan berpengalaman memandu kereta selama tidak kurang

dari 5 tahun dan boleh memperbaiki kerosakan2 kereta yang kecil.

Gaji: Dalam sukatan E. 2 = \$240x10-260.

(5) TUKANG KEBUN:

(3 jawatan)

Kelayakan2: Berumur di-antara 20 dan 45 tahun dan berpengalaman sebagai tukang kebun.

Gaji: Dalam sukatan F. 1-2-3 = \$160x5-220.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan dalam borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat dari 12 Mach, 1966.

Cunakan-Lah

Bahasa Melayu